

# Denggi: Jumlah kematian tertinggi

KUSMO 17/12/08 MK 10

KUALA LUMPUR - Sejumlah 1,273 kes demam denggi dengan tiga kematian dilaporkan dalam tempoh seminggu bermula 30 November hingga 6 Disember, menjadikan ia jumlah tertinggi kes dilaporkan dalam seminggu bagi tahun ini.

Selangor mencatatkan kes ter-

tinggi iaitu 640 kes diikuti Johor (102), Kedah (65), Sarawak (50), Pahang (42), Kelantan (31), Sabah (23), Perlis (13) dan Putrajaya (13), kata Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit Kementerian Kesihatan, Datuk Dr. Hassan Abdul Rahman.

Jumlah kes terkumpul kes bagi

tahun 2008 adalah 44,494 dengan 98 kematian, katanya dalam kenyataan di sini semalam.

"Peningkatan ini disebabkan kurangnya penglibatan masyarakat serta cuaca hujan yang berlaku telah menyumbang kepada pembiakan aedes yang telah memudahkan pe-

nularan denggi, 81 peratus daripada 969 premis yang didapati positif adalah premis kediaman," katanya.

Beliau berkata sejumlah 45 kompaun bernilai RM12,650 serta 78 notis arahan pembersihan telah dikeluarkan.

Dalam tempoh yang sama, Hassan

berkata sebanyak 126 kes Chikungunya dilaporkan di seluruh negara dalam tempoh itu berbanding 128 kes pada minggu sebelumnya.

Sehingga kini, kes terkumpul penyakit di seluruh negara adalah 3,706 kes dengan tiada kematian dilaporkan, katanya. - Bernama